

ERL rancang ke BSKL

BH 20 MAR 2002

EXPRESS Rail Link Sdn Bhd (ERL), pengendali perkhidmatan rel Kuala Lumpur-Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berharap untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Ketua Eksekutif ERL, Dr Aminuddin Adnan, berkata penyenaian itu akan dilaksanakan menerusi kriteria syarikat projek infrastruktur (IPC).

Katanya, syarikat berca-dang untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang tetapi mahu ia dijayakan secepat mungkin.

"Dengan penyenaian kami ke BSKL, ERL akan dapat membayar semula sebahagian daripada pinjamannya yang kini bernilai kira-kira RM1.9 bilion.

"Selain itu, tempoh penyenaian juga akan bergantung sama ada ERL mampu mencapai sasaran 8,000 penumpang setiap hari yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam taklimet media Siemens Malaysia Sdn Bhd (Siemens) mengenai pembabitannya dalam projek ERL itu di Sepang, semalam.

Perkhidmatan komersial ERL akan bermula pada 19 April ini dan dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 April ini.

Aminuddin berkata, pihaknya menjangkakan kira-kira

8,000 penumpang akan menggunakan ERL sehari-tahun ini sebelum meningkat kepada 10,000 penumpang sehari-tahun depan.

"Sehubungan itu, ERL menjangkakan pulangan RM80 juta bagi tempoh April hingga Disember ini dan meningkat kepada RM150 juta bagi tahun depan," katanya.

Aminuddin berkata, kemudahan daftar keluar hanya akan disediakan kepada penumpang di Kuala Lumpur Air City Terminal (KL-CAT) di Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral), tahun depan.

Beliau berkata, ketika ini, pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menyediakan perkhidmatan daftar keluar bagasi di KL-CAT.

"Oleh itu, jika semuanya berjalan lancar, kami berharap akan dapat menyediakan perkhidmatan daftar keluar penumpang di KL-CAT tahun depan," katanya.

KL-CAT akan menjadi terminal udara dalam bandar pertama di dunia yang menyediakan perkhidmatan daftar masuk dan daftar keluar penumpang dengan kod destinasi penerbangan antarabangsa 'XKL'.

Selain itu, Aminuddin berkata, syarikat juga akan melantik sebuah syarikat keselamatan untuk membantu menjaga keselamatan penumpang yang menggunakan khidmat KLIA Ekspres.